

# Perspektif Mufti Berkaitan Faktor Penerimaan dan Penolakan Fatwa di Malaysia

**BITARA**

Volume 6, Issue 4, 2023: 10-18  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 10 August 2023  
Accepted: 29 August 2023  
Published: 4 September 2023

## [The Mufti's Perspective on Fatwa's Acceptance and Rejection Factors in Malaysia]

Nurbazla Ismail, Anwar Fakhri Omar & Ammar Rushdi Jamaluddin <sup>1\*</sup>

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: nurbazla@ukm.edu.my; anwarfakhri@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: nurbazla@ukm.edu.my

### Abstrak

Institusi fatwa merupakan institusi yang penting di Malaysia. Institusi ini bertanggungjawab dalam menjelaskan hukum dan menjawab persoalan masyarakat berkenaan isu agama Islam. Namun begitu, terdapat masyarakat yang masih menolak dan tidak menerima fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa. Objektif kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisis faktor penerimaan dan penolakan fatwa oleh masyarakat dari perspektif mufti. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk buku-buku serta jurnal yang berkaitan fatwa serta menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah tematik. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa faktor penerimaan dan penolakan masyarakat terhadap fatwa terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek individu dan pengurusan institusi fatwa. Bagi aspek individu, antara faktor yang menyebabkan penerimaan dan penolakan fatwa ialah berdasarkan kefahaman individu tersebut dalam memahami teks nas agama serta kefahaman tentang fiqh keutamaan dalam ibadat. Selain itu, faktor sumber rujukan individu juga mempengaruhi penerimaan dan penolakan terhadap fatwa. Di samping itu, faktor kesediaan individu tersebut sendiri untuk mahu mengambil tahu dan berminat untuk mengetahui fatwa serta mahu menjaga kepentingan peribadi juga penyebab kepada penerimaan dan penolakan fatwa. Bagi aspek pengurusan institusi fatwa, penerimaan dan penolakan terhadap fatwa dipengaruhi oleh kadar capaian maklumat fatwa kepada masyarakat. Selain itu, kaedah penyusunan struktur ayat dalam penulisan keputusan fatwa yang disebarkan kepada masyarakat juga memberi kesan kepada faktor penerimaan dan penolakan fatwa. Melalui kajian ini, ia dapat memberi cadangan untuk penambahbaikan pengurusan institusi fatwa terutama dalam menyampaikan dan menyebarkan fatwa kepada masyarakat.

**Kata kunci:** fatwa, mufti, penolakan, penerimaan, faktor.

### Abstract

The institution of fatwa holds significant importance in Malaysia as it is responsible for explaining Islamic laws and addressing questions from the public on Islamic issues. However, there are segments of society that still reject and do not accept the fatwas issued by the fatwa institution. The objective of this study is to analyze the factors influencing the acceptance and rejection of fatwas from the perspective of Muftis. This research adopts a qualitative approach, gathering data using literature review methods by referring to books and journals related to fatwas and employing semi-structured interviews. The study is analyzed using thematic analysis. Based on the conducted research, the researcher finds that the factors influencing society's acceptance and rejection of fatwas can be divided into two aspects: individual factors and fatwa institution management. For individual factors, some of the reasons for the acceptance and rejection of fatwas are based on the individual's understanding of religious texts and their knowledge of fiqh (Islamic jurisprudence) principles related

to worship. Additionally, the individual's reference sources also influence their acceptance or rejection of fatwas. Moreover, the individual's willingness to seek knowledge and interest in understanding fatwas, as well as personal interests, also play a role in their acceptance or rejection of fatwas. As for the fatwa institution management aspect, the acceptance and rejection of fatwas are influenced by the accessibility of fatwa information to the public. Furthermore, the structure and wording used in the dissemination of fatwa decisions to the public also affect the factors of acceptance and rejection of fatwas. Through this study, suggestions for improving the management of the fatwa institution, particularly in delivering and disseminating fatwas to the public, can be proposed.

**Keywords:** Fatwa, mufti, rejection, acceptance, factor

**Cite This Article:**

Nurbazla Ismail, Anwar Fakhri Omar & Ammar Rushdi Jamaluddin. (2023). Perspektif Mufti Berkaitan Faktor Penerimaan dan Penolakan Fatwa di Malaysia [The Mufti's Perspective on Fatwa's Acceptance and Rejection Factors in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 10-18.

## Pengenalan

Institusi fatwa merupakan institusi yang penting di Malaysia. Hal ini kerana ia merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam menjelaskan hukum dan menjawab persoalan masyarakat berkenaan agama. Malaysia merupakan negara yang unik. Selain unik kerana wujud pelbagai kaum, institusi fatwa di Malaysia juga unik kerana Malaysia mempunyai empat belas orang Mufti selari dengan bilangan negerinya. Ini kerana di dalam perlembagaan Malaysia, pengurusan pentadbiran agama adalah terletak di bawah Raja negeri masing-masing. Maka wujudlah setiap mufti bagi setiap negeri di Malaysia. Di setiap negeri mempunyai peraturan dan undang-undang yang tersendiri sama ada dari segi pewartaan fatwa, hukum jenayah syariah dan lain-lain.

Di Malaysia juga wujud Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Ia ditubuhkan berdasarkan Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini berperanan untuk menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini juga mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

Namun begitu, terdapat masyarakat yang masih menolak dan tidak menerima fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa (Mohd Harifadilah et al. 2021). Lebih membimbangkan, terdapat sebahagian daripada masyarakat yang mempersoalkan kesahihan terhadap pandangan yang telah dikeluarkan oleh para mufti. Antara isu yang dipersoalkan ialah pengharaman *Pokemon Go*, *Fatwa Pulau Pinang*, *DAP sebagai 'kafir harbi'*, *GST*, *pengharaman pertubuhan Sisters in Islam*, *pertandingan ratu cantik*, dan *fatwa sekitar Covid-19*. Selain mempersoal dan mempertikai, wujud juga kalangan masyarakat yang membawa kes tersebut ke mahkamah (Kamarudin et al. 2018).

Sebagai contoh hukum fiqh berkenaan pengambilan vaksin Covid-19, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama telah menetapkan hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil. Hal ini juga disokong oleh jawatankuasa fatwa negeri. Namun, Menurut kajian seramai 22% daripada masyarakat menolak pengambilan vaksin Covid-19 (Astro Awani 2022).

Selain itu, fatwa juga dicabar di mahkamah. Ini dapat dilihat berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Fatwa Negeri Selangor:

“Fatwa Pemikiran Liberalism dan Pluralism Agama.”

1. SIS FORUM (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan, atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalism dan pluralism agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalism dan pluralism agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.
4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalism dan pluralism agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.”

Fatwa ini telah dicabar oleh pihak Sisters in Islam. Dalam kes Sisters in Islam Forum vs Kerajaan Negeri Selangor, dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor, menyaksikan mereka membawa perkara ini ke Mahkamah Persekutuan untuk membantah dan menolak tentang fatwa tersebut. Walaupun keputusannya, kes tersebut ditolak, namun ini menunjukkan terdapat dalam masyarakat yang menolak dan berani membawa suara mereka ke mahkamah.

Berdasarkan isu yang dibincangkan, maka kajian ini dibuat bagi menganalisis faktor penerimaan dan penolakan fatwa oleh masyarakat.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk buku, artikel serta jurnal yang berkaitan fatwa daripada sumber primer dan sekunder yang diakses melalui laman sesawang dan secara bercetak. Selain itu, kajian ini mengumpulkan data menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dengan mengadakan temu bual bersama Timbalan Mufti Negeri Perlis, S.F Tajul Urus Bin Abdul Halim dan Mufti Negeri Sembilan, S.F Dato’ Hj. Mohd. Yusof Bin Hj. Ahmad. Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah tematik bagi merumuskan dapatan kajian yang diperolehi.

## Sejarah dan Perkembangan Institusi Fatwa

Fatwa di Malaysia telah melalui sejarah yang panjang. Bermula abad ke-7 Masihi, Islam datang ke rantau ini serta menjadi faktor penubuhan sistem pemerintahan yang bercirikan Islam. Tanah Melayu juga turut dipengaruhi oleh corak pemerintahan khalifah yang ada di negara Islam

ketika itu. Ketua pemerintah iaitu sultan ataupun raja telah dinobatkan sebagai khalifah Islam untuk mentadbir negara. Justeru, dalam usaha memantapkan sistem pentadbiran negara, ketua pemerintah telah menubuhkan institusi pelaksanaannya seperti pelantikan mufti, kadi, imam dan jawatan-jawatan lain yang membawa matlamat yang sama. Kesemua jawatan ini berkait rapat secara langsung dengan tugas-tugas penguatkuasaan hukum syarak, mengeluarkan fatwa-fatwa, menjalankan tugas-tugas keadilan, mengetuai upacara rasmi negara dan menangani pelbagai persoalan yang berbangkit (Auni 2005).

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, Perlembagaan Persekutuan diperkenalkan dan menjadi sumber undang-undang tertinggi bagi negara dan kewujudannya adalah bertujuan untuk menyelaraskan pemerintahan sesebuah negara. Perlembagaan Persekutuan mengandungi 183 Perkara dan salah satunya adalah mengekalkan kedudukan sultan sebagai ketua agama di negeri masing-masing. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan pengasingan kuasa antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat dalam pentadbiran malah setiap daripadanya mempunyai bidang pengkhususan tertentu dalam menjalankan urusan pentadbiran. Melalui bidang pengkhususan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara 74 (2) butiran 1 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan menetapkan bahawa perkara yang berkaitan dengan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan ini bermaksud urusan fatwa merupakan tanggungjawab kerajaan negeri dalam mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai fatwa di negeri masing-masing. Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana memiliki 14 negeri di dalamnya. Oleh yang demikian, setiap negeri akan diwakili oleh seorang mufti dan perkara ini menjadikan Malaysia mempunyai 14 mufti keseluruhannya. Hal ini juga adalah bertitik tolak dengan bidang kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan bidang kuasa antara kerajaan negeri dan pusat, di mana pentadbiran agama Islam ialah urusan negeri secara umumnya. Namun begitu, Perlembagaan Persekutuan dalam masa yang sama tidak menafikan sepenuhnya kuasa Persekutuan berkaitan undang-undang dan tatacara pentadbiran Islam. Melalui bidang kuasa perlembagaan yang diperuntukkan mengenai agama Islam dan adat istiadat Melayu ini, kerajaan negeri mengekalkan organisasi pentadbiran berkaitan Islam yang telah wujud sebelum merdeka sebagai badan yang berkuasa mengenai hal ehwal agama Islam di setiap negeri. Urusan fatwa juga menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dalam mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai fatwa di negeri masing-masing. Oleh itu, perkara-perkara yang bersangkutan dengan fatwa tercatat dalam setiap enakmen/ordinan/akta di negeri di Malaysia sejak mula enakmen/ordinan/akta tersebut dibuat.

Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri pula ditubuhkan untuk membantu Jabatan Mufti mengeluarkan sesuatu fatwa bagi pihak kerajaan negeri. Ia dikanunkan dalam enakmen/ordinan/akta yang ada pada peringkat negeri masing-masing di dalam Malaysia. Dengan terdapat bidang kuasa yang tersendiri pada setiap negeri, maka perbezaan-perbezaan sememangnya timbul antara satu negeri dengan negeri yang lain. Oleh itu, pihak pemerintah yang menyedari perkara ini telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada tahun 1968 sebagai badan perhubungan pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri. Bermula dari 1 Julai 1969 MKI telah berfungsi secara rasmi, yang dianggotai oleh kesemua negeri di Malaysia kecuali negeri Kedah dan Pahang (Othman 1981). Sehubungan dengan penubuhan MKI, ditubuhkan pula satu

Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK) yang berfungsi sebagai badan fatwa peringkat kebangsaan yang mewakili negara Malaysia dalam menangani isu-isu hukum yang berkaitan dengan dasar, polisi, program atau aktiviti secara langsung (Mohd Mohadis Yasin 2007).

Memandangkan JFK terikat dengan syarat dan prosedur yang ketat melibatkan perkenan Majlis Raja-Raja Melayu, justeru urus setia JFK telah menubuhkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK). Dengan tertubuhnya MJFK, isu-isu fatwa dapat dibincangkan secara efisien dan tidak terikat dengan prosedur antara mufti-mufti di seluruh Malaysia (Abdul Monir & Wan Rosli 1998). Langkah ini dilihat tepat serta banyak membantu dalam menghasilkan pandangan dan perbincangan berhubung dengan isu-isu hukum atau fatwa secara bersama.

Institusi fatwa di Malaysia terus berkembang sehinggalah seperti apa yang sedia ada pada hari ini. Institusi fatwa merupakan satu badan terpenting di Malaysia yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan permasalahan agama yang timbul dalam masyarakat dan ia sentiasa menjadi rujukan bagi umat Islam di Malaysia.

Melalui maklumat yang diperoleh dapat disimpulkan bahawa institusi fatwa mula bertapak di Malaysia sejak abad ke 7 ketika kedatangan Islam. Selepas kemerdekaan tahun 1957, ia terus berkembang setelah ditetapkan di dalam perlembagaan bahawa Islam sebagai agama persekutuan dan pengurusan Islam juga dibahagi mengikut pentadbiran setiap negeri. Kesan daripada itu, telah wujud institusi-institusi fatwa di setiap negeri. Bahkan fatwa di Malaysia terus berkembang dengan penubuhan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) yang menjadikan perbincangan berkaitan fatwa lebih efisien.

## Definisi dan Konsep Fatwa

Fatwa ialah penerangan kepada sesuatu perkara yang menimbulkan kemusykilan. Fatwa diambil daripada perkataan *afta* (أفتى) yang bermaksud menjelaskan dan menghuraikan hukum bagi sesuatu permasalahan (Ibn Manzūr 1994). Selain itu, fatwa bermaksud menjawab masalah yang menjadi kemusykilan di dalam hukum. Apabila seseorang menjawab sesuatu masalah yang diajukan kepadanya, jawapan yang diberikan itu merupakan fatwa. Fatwa juga bererti penjelasan berhubung dengan persoalan hukum syarak yang dibuat oleh seorang yang faqih bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepadanya.

Fatwa di Malaysia pula adalah kenyataan mufti yang diterbitkan melalui Warta Undang-undang (Ahmad Hidayat 2004). Dalam erti kata lain, menjadi tugas seorang mufti yang berijtihad untuk menerangkan hukum-hukum yang mempunyai kemusykilan bersandarkan kepada dalil syarak dan menjawab segala permasalahan yang melibatkan isu semasa apabila ditanyakan kepadanya. Pengertian fatwa di Malaysia memberi maksud yang berbeza dengan pengertian dari segi istilah yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh. Apa pun pengertian yang telah diberikan, menurut undang-undang yang ada di Malaysia sekarang, pengeluaran fatwa perlu mengikuti prosedur tertentu. Oleh yang demikian, fatwa di Malaysia telah menjadi urusan rasmi pemerintah yang dikawal pengeluarannya dan dikuatkuasakan peruntukannya. Suatu fatwa yang hendak dikuatkuasakan hendaklah diwartakan. Jika tidak diwartakan maka ia dianggap

kekal sebagai pendapat mufti sahaja dan untuk pengetahuan atau rujukan hukum semata-mata (Zaini Nasohah 2005).

Melalui kajian lalu, definisi fatwa di Malaysia sedikit berbeza dengan maksudnya dari segi bahasa. Di Malaysia, fatwa membawa maksud kenyataan mufti yang diterbitkan melalui Warta Undang-Undang. Hanya fatwa ini sahaja yang diiktiraf dan mempunyai autoriti.

## **Faktor Penerimaan dan Penolakan Fatwa di Malaysia**

Penolakan dan penerimaan fatwa dipengaruhi oleh dua aspek iaitu aspek individu dan aspek pengurusan institusi fatwa.

### **Aspek Individu**

Bagi aspek individu, Muhammad Zaki Ramle dan Muhd Anuar Ramli (2022) telah menulis satu kajian berkenaan tajuk 'Isu Penerimaan dan Penolakan Fatwa berkaitan Covid-19 dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia'. Antara faktor penolakan fatwa adalah kerana individu tersebut hanya memahami teks nas secara literal. Sebagai contoh, fatwa membenarkan untuk seseorang meninggalkan solat Jumaat ketika pandemik Covid-19. Namun begitu, fatwa ini ditolak kerana masyarakat hanya memegang kepada satu hadis iaitu "Barang siapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut, maka ia termasuk dalam kalangan orang munafik." Namun begitu, masih wujud lagi sebuah hadis yang berbunyi, "barang siapa yang meninggalkan solat Jumaat tanpa mudarat maka dikunci hatinya." Maka di sini, masyarakat hanya mengambil hukum melalui satu sahaja sumber tanpa melihat kepada yang lain.

Selain itu, faktor seseorang gagal memahami keutamaan dalam ibadat juga menyebabkan fatwa ditolak. Tambahan pula, individu tidak merujuk sumber maklumat yang rasmi juga menjadi sebab penolakan suatu fatwa.

Menurut kajian Mohd Harifadilah et al. (2021) pula, faktor individu yang menyebabkan penolakan fatwa adalah individu sendiri tidak mahu mengambil tahu dan tidak berminat dengan fatwa. Ini dapat dilihat berdasarkan kes Pegawai Syarie vs Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohammad, Sharina Shaari. Hakim telah memutuskan untuk tidak menerima alasan pesalah yang mengatakan beliau tidak mengetahui fatwa tersebut. Selain itu, faktor melebihi kepentingan peribadi menyebabkan mereka menolak fatwa. Ini dapat dilihat berdasarkan kajian Elkalmi, et al. (2016) terhadap respons perokok, 82.1% mengetahui akan kewujudan fatwa pengharaman rokok, namun hanya 64.3% sahaja daripada mereka yang menerima fatwa pengharaman rokok tersebut dan yang berbaki berpegang akan hukum makruh.

### **Aspek Pengurusan Institusi Fatwa**

Bagi aspek pengurusan institusi fatwa, terdapat beberapa aspek yang mempengaruhi faktor penerimaan dan penolakan terhadap sesuatu fatwa. Pertamanya ialah maklumat kefatwaan tidak sampai kepada makluman masyarakat umum. Maka, apabila keputusan fatwa tidak sampai kepada mereka, mereka akan menggunakan hujah bahawa mereka tidak mengetahui akan

kewujudan fatwa tersebut (Hasnan Kasan 2008). Aspek ini ditambah pula dengan faktor jaringan internet yang rendah yang membataskan sebahagian masyarakat sahaja yang mampu mengakses fatwa yang dikeluarkan secara atas talian (Muhammad Zaki Ramle dan Muhd Anuar Ramli 2022). Perkara ini juga diperkuatkan dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Harifadilah et al. (2021) yang menyatakan bahawa penyampaian fatwa perlu diperkasa dan perlu disebar luas melalui pelbagai medium agar masyarakat dapat menerima fatwa yang telah diwartakan. Selain faktor penyampaian atau penyebaran fatwa, aspek penulisan juga menjadi faktor kepada penerimaan dan penolakan suatu fatwa. Menurut Mohd Harifadilah et al. (2021), penulisan fatwa yang baik dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami serta diikuti dalil-dalil tertentu juga memberi kesan kepada penolakan dan penerimaan fatwa terutama melibatkan masyarakat yang ingin mengetahui hujah dan dalil akan sesuatu fatwa dikeluarkan. Perkara ini disokong oleh kajian Muhammad Zaki Ramle dan Muhd Anuar Ramli (2022) yang menyatakan penyediaan maklumat fatwa yang jelas menambahkan keyakinan kepada masyarakat atau individu untuk menerima sesuatu fatwa.

Berdasarkan sorotan literatur dijalankan, pengkaji mendapati bahawa faktor penerimaan dan penolakan masyarakat terhadap fatwa terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek individu dan pengurusan institusi fatwa. Bagi aspek individu, antara faktor yang menyebabkan kepada penerimaan dan penolakan fatwa ialah berdasarkan kefahaman individu tersebut dalam memahami teks nas agama serta kefahaman tentang fiqh keutamaan dalam ibadat. Selain itu, faktor sumber rujukan individu juga mempengaruhi penerimaan dan penolakan terhadap fatwa. Di samping itu, faktor kesediaan individu tersebut sendiri untuk mahu mengambil tahu dan berminat untuk mengetahui fatwa serta mahu menjaga kepentingan peribadi juga menjadi penyebab kepada penerimaan dan penolakan fatwa. Bagi aspek pengurusan institusi fatwa, penerimaan dan penolakan terhadap fatwa dipengaruhi oleh kadar capaian maklumat fatwa sampai kepada masyarakat. Selain itu, kaedah penyusunan struktur ayat dalam penulisan keputusan fatwa yang disebarkan kepada masyarakat juga memberi kesan kepada faktor penerimaan dan penolakan fatwa.

## **Perspektif Mufti Berkaitan Faktor Penerimaan dan Penolakan Fatwa di Malaysia**

Menurut S.F. Tajul Urus Bin Abdul Halim (2022) masyarakat di Malaysia secara umumnya masih menerima dan menjadikan Institusi Fatwa sebagai tempat rujukan khusus bagi menjawab permasalahan agama. Berdasarkan apa yang berlaku di Negeri Perlis, majoriti masyarakat tetap menjadikan Institusi Fatwa Perlis sebagai rujukan untuk mendapatkan jawapan yang tepat jika jawapan daripada *asatizah* lain tidak jelas atau samar. Kenyataan ini juga disokong oleh S.F Dato' Hj. Mohd. Yusof Bin Hj. Ahmad (2022). Beliau juga mengatakan bahawa ramai dalam kalangan masyarakat yang masih bertanya kepada pihak jabatan mufti bagi menjawab persoalan agama sama ada soalan tersebut telah wujud di dalam kitab atau keputusan-keputusan fatwa yang telah dilakukan.

Adapun penolakan terhadap keputusan fatwa seperti Isu Fatwa Sisters in Islam yang mencabar keputusan tersebut di Mahkamah, ia hanya dilakukan oleh sekumpulan pihak yang tidak mahu dan menentang ajaran Islam yang sebenar (S.F Tajul Urus Bin Abdul Halim 2022).

Menurut S.F Dato' Hj. Mohd. Yusof Bin Hj. Ahmad (2022) pula, tahap kefahaman masyarakat juga menjadi faktor kepada penolakan institusi fatwa. Tahap kefahaman di sini terbahagi kepada dua iaitu kefahaman untuk merujuk pihak yang berautoriti dan kefahaman terhadap enakmen atau undang-undang telah sedia ada.

Apabila masyarakat membuat rujukan kepada pihak yang tidak berautoriti, maka ia menjadi salah satu faktor kepada penolakan institusi atau fatwa yang telah dikeluarkan. Pada hari ini, kebanyakan masyarakat akan memilih individu-individu tertentu untuk dijadikan rujukan. Mereka juga akan memilih individu-individu yang lebih terkenal, mempunyai pangkat dan lain-lain untuk dijadikan rujukan. Selain itu, jawapan individu yang lebih memberi kemudahan kepada seseorang menjadi faktor masyarakat akan lebih merujuk kepada mereka. Oleh itu, apabila individu-individu ini dirujuk serta tidak mempunyai autoriti dalam mengeluarkan fatwa, maka jawapan oleh institusi fatwa akan ditolak jika ia tidak selari dengan jawapan individu tersebut.

Selain itu, menurut S.F Dato' Hj. Mohd. Yusof Bin Hj. Ahmad (2022), masyarakat perlu memahami enakmen atau undang-undang yang telah wujud di suatu negeri, jika tidak, mereka akan menolak keputusan fatwa yang telah mengikut undang-undang. Sebagai contoh, Negeri Sembilan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai enakmen khusus berkenaan tarekat iaitu Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005. Enakmen ini berfungsi sebagai undang-undang yang membenarkan tarekat-tarekat tertentu untuk diamalkan di negeri ini dengan syarat memenuhi setiap kriteria yang ditetapkan. Maka jika wujud fatwa-fatwa yang baharu berkenaan terikat, maka masyarakat tidak boleh menolak ia dengan semudahnya.

Berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa majoriti masyarakat masih lagi menjadikan institusi fatwa sebagai tempat rujukan utama bagi menyelesaikan masalah berkaitan agama. Adapun penolakan terhadap institusi fatwa yang berlaku hanya dilakukan oleh sekumpulan kecil masyarakat yang bukan hanya menolak fatwa bahkan menolak ajaran Islam yang sebenar serta mereka mempunyai kepentingan tertentu. Selain itu, tahap kefahaman masyarakat untuk merujuk pihak yang berautoriti dan terhadap enakmen dan undang-undang yang sedia ada menjadi faktor kepada penolakan terhadap institusi fatwa.

## Kesimpulan

Dapat disimpulkan di sini bahawa, Institusi fatwa dan mufti mempunyai peranan yang sangat penting iaitu sebagai tempat rujukan masyarakat untuk menyelesaikan masalah agama dan penyelarasan kepada hukum hakam untuk kepentingan masyarakat. Walaupun wujud gerakan-gerakan yang untuk menolak institusi ini, namun masih ramai yang menjadikan institusi fatwa sebagai rujukan utama.

## Rujukan

- Auni Abdullah. 2005. *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram. 1994. *Lisan al 'Arab*. Beirut: Dar Sadir.



- Ahmad Hidayat Buang. 2004. *Fatwa di Malaysia (Fatwa in Malaysia)*. Petaling Jaya: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Zaini Nasohah. 2005. Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam Bil. 27 (1)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Hj Ishak. 1981. *Fatwa dalam perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mohd Mohadis Yasin. 2007. Pengurusan & Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (JFatwa) Vol. 1*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob & Wan Rosli Abd Majid. 1998. *Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia di dalam Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Elkalmi, R. M., Alkoudmani, R. M., Elsayed, T. M., Ahmad, A., & Khan, M. U. 2016. "Effect of Religious Beliefs on the Smoking Behaviour of University Students: Quantitative Findings From Malaysia". *Journal of Religion and Health*, 55(6), 1869–1875.
- Hasnan Kasan. 2001. Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara Bil. 2*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Ahmad Azman Md Zain, Mohd Nizho Abdul Rahman, Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan, Solahuddin Abdul Hamid, Zulhilmi Paidi & Mohd Hilmi Hamzah. 2018. Penerimaan Masyarakat Terhadap Keputusan Fatwa Jabatan Mufti Kelantan Berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick: Satu Kajian Awal. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Harifadilah Bin Rosidi, Ahmad Wifaq Bin Mokhtarii, Mohd Nasir Bin Abdul Majid. 2021. Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Vol. 24| No. 1*.
- Muhammad Zaki Ramle dan Muhd Anuar Ramli. 2022 Isu Penerimaan dan Penolakan Fatwa Berkaitan Covid-19 dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. Dlm. *Paradigma Ilmu Islam dan Realiti Semasa*. Perak: Universiti Teknologi MARA.
- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/22-peratus-masyarakat-islam-tolak-vaksin-kaji-selidik-284553> (28 Julai 2022)
- S.F Tajul Urus Bin Abdul Halim , Timbalan Mufti Negeri Perlis, Temu bual, 5 September 2022.
- S.F Dato' Hj. Mohd. Yusof Bin Hj. Ahmad, Mufti Negeri Sembilan, Temu bual, 20 September 2022.